

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA TIAP2 BULAN

TAHUN 10 BILANGAN 4

RABU 17 FEBRUARI, 1965

رابو 15 شوال 1384

PERCHUMA

DENGAN ADA-NYA NEGARA SENTIASA DALAM KEADAAN AMAN

Maka Dapat-lah Sekalian Ra'ayat Menikmati Kema'amoran Dan
Kebahagiaan Yang Telah Ada Dalam
Negeri Brunei - Titah D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah bertitah sebagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri bahawa dengan ada-nya negara sentiasa dalam keadaan aman, maka dapat-lah sekalian ra'ayat menikmati kema'amoran dan kebahagiaan yang telah ada dalam negara dan dapat-lah menambah laila berjenis2 usaha yang berkebakjikan.

Baginda telah menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada umat Islam di-seluruh Negeri Brunei serta juga mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada penduduk2 Tiong Hua di-negeri ini.

Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dengan sa-penoh-nya ada-lah di-siarkan seperti berikut:

"Penduduk Negeri Brunei dan ra'ayat penduduk Negeri Brunei 'am-nya. Terlebih dahulu beta menyampaikan ucapan SELAMAT BERHARI RAYA AIDIL FITRI dan mengucapkan shukor kahadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengurniakan kepada kita nikmat2 dan petunjok2 ka-jalan yang benar, dan beta juga sangat2 bershukor kahadrat Allah Subhanahu Wata'ala di-atas kesempatan beta balek ka-Negeri Brunei yang di-kasehi sebelum Hari Raya dan dapat-lah kita sekalian bersama2 meraikan dan bersembahyang Aidil-Fitri di-Negeri Brunei yang di-kasehi ini.

Alhamdu Lillah atas sempurna umat dan penduduk Islam di-negeri ini menunaikan fardzu Puasa Ramadhan selama sa-bulan dan pada hari ini juga kita akan bersama2 menyambut dan merayakan Aidil Fitri yang mulia dengan perasaan laila mengukuhkan

hasrat saling yang bersafahaman laila tugas tanggung jawab sebagai umat Islam yang membaharui dan kunjong-mengunjongi bagi menghubungkan silatur rahim di-antara kita sekalian.

Pada menyambut hari yang mulia ini beta sukachita menyatakan pendapat beta mengenai laila tugas pada menjalankan tanggung jawab sebagai Ketua Negara atau Khalifah atau Sultan.

Pertama wajib mematuhi hukum2 yang di-suroh Allah dengan berdasarkan Uagama Islam.

Kedua kewajipan Sultan itu hendak-lah sentiasa menetek beratkan pada mengetahui bagaimana kemajuan mengenai perkembangan perusahaan ra'ayat laila subur dan keamanan di-satu2 negara atau negeri itu benar2 berjalan laila ikhtiar terlaksana dengan memuaskan bagi kema'amoran laila bahagia subur dalam aman tenteram dan ra'ayat dalam-nya negara atau negeri itu sentiasa berbaik2 saling faham-memahami, bekerjasama di-antara satu dengan lain bagi kebahagiaan negara-nya, dengan menyambut tanggung jawab kewajipan dasar hakikat Ketua2 Pentadbir di-satu2 negara itu, maka ada-lah wajib bagi mereka bersungguh2 laila menumpukan hasrat yang jujur bagi mengu-

(Lihat Muka 4)



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin dan Raja Isteri telah berchemar Duli ka-Kapal Perang Di-Raja British "Puncheston" pada masa lawatan kapal perang itu ka-Negeri Brunei baharu2 ini. Dalam gambar ini kelihatan semasa Baginda2 menaiki kapal perang tersebut.

D.Y.M.M. MERASMIKAN PEMBUKAAN AMPANGAN TASEK

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah merasmikan pembukaan Ampangan Tasek di-Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 13 Februari, 1965. Ampangan Tasek itu telah di-bina oleh Kerajaan Brunei di-satu kawasan atas bukit sa-luas 60 okar tidak jauh dari Kolam Ayer Tasek yang lama, dengan memakan perbelanjaan kira2 8½ juta ringgit. Ampangan itu akan dapat mengeluarkan sa-banyak kira2 2,000,000 galon ayer sa-hari untuk kawasan Bandar Brunei.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah melafadzkan satu titah ucapan yang berharga sa-belum Baginda merasmikan pembukaan Ampangan Tasek tersebut.

Terlebih dahulu ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun dan Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan Negara Brunei, Yang Berhormat Awang John Lee.

Majlis itu di-akhiri dengan baca'an Do'a Selamat oleh Sahibul Fadhilah Kadi Begawan Khatib Haji Metali.

D.Y.M.M. KEMBALI DARI UNITED KINGDOM

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah selamat kembali ka-Tanah Ayer dari United Kingdom dengan kapal terbang pada petang hari Selasa 2 Feb. 1965 sa-lepas menghadhiri Istiadat Mengkebumikan mayat mending Sir Winston Churchill.

Duli Yang Maha Mulia telah di-iringi oleh Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Di-Muliakan Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamad Jahfar; Peguam Negara Brunei, Yang Berhormat Awang Idris Talog Davies dan Pegawai Kewangan Negara Brunei, Yang Berhormat Awang John Lee.

PERTUKARAN GURU2 SA-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran Brunei telah menerbitkan satu siaran mengandungi pertukaran Guru2 Sekolah2 Melayu dalam Negeri Brunei.

Menurut siaran tersebut, pertukaran Guru2 Besar akan berjalan pada 1 Mach, 1965. Pertukaran Guru2 Penolong telah berjalan mulai pada 15 Februari, manakala pertukaran Guru2 Pelateh telah berjalan mulai pada 7 Februari.

Sinarai pertukaran Guru2 tersebut ada-lah di-siarkan saperti berikut:

GURU2 BESAR

Chegu Marsal bin Haji Hasan dari Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar ka-Sekolah Melayu Birau menjadi Guru Besar.

Chegu Pengiran Besar bin Pengiran Ahmad dari Sekolah Melayu Delima I ka-Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar menjadi Guru Besar.

Chegu Zainal bin Haji Panjang dari Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara ka-Sekolah Melayu Delima I menjadi Guru Besar.

Chegu Julaihi bin Sulaiman dari Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas ka-Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara menjadi Guru Besar.

Chegu Besar bin Serudin dari Sekolah Melayu Orang Kaya Ali Wanika Setia Diraja, Kupang ka-Sekolah Melayu Kilanas menjadi Guru Besar.

Chegu Pengiran Hashim bin Pengiran Chuchu dari Sekolah Melayu Burong Pingai Baru ka-Sekolah Melayu Orang Kaya Ali Wanika Setia Di-raja, Kupang menjadi Guru Besar.

Chegu Asma Khan bin Abdul Khan dari Sekolah Melayu Anggerek Desa ka-Sekolah Melayu Burong Pingai Baru menjadi Guru Besar.

Chegu Pengiran Tajuddin bin Pengiran Hashim dari Sekolah Melayu Gadong ka-Sekolah Melayu Anggerek Desa menjadi Guru Besar.

Chegu Pengiran Md. Yassin bin Pengiran Damit dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei ka-Sekolah Melayu Gadong menjadi Guru Besar.

Chegu Moksin bin Ahmad dari Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota, Kuala Tutong ka-Sekolah Melayu Layong menjadi Guru Besar.

Chegu Marsal bin Lagong dari Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria ka-Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota, Kuala Tutong menjadi Guru Besar.

Chegu M. Din bin Pengarah Haji Untong dari Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara ka-Sekolah Melayu Sungai Besar menjadi Guru Besar.

Chegu Minudin bin Jambul dari Sekolah Melayu Sungai Besar ka-Sekolah Melayu Pudak menjadi Guru Besar.

Chegu Abdul Wahab bin Muhamad dari Sekolah Melayu Penanjong ka-Sekolah Melayu Keriam menjadi Guru Besar.

Chegu Md. Yusuf bin Ahmad dari Sekolah Melayu Keriam ka-Sekolah Melayu Sinaut menjadi Guru Besar.

Chegu Bol-Hasan bin Abd. Ghafar dari Sekolah Melayu Sinaut ka-Sekolah Melayu Penanjong menjadi Guru Besar.

Chegu Md. Saji bin Radin dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin ka-Sekolah Melayu Rampayoh menjadi Guru Besar.

Chegu P. M. Yasin bin P. Metasan dari Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas ka-Sekolah Melayu Kiulap menjadi Guru Besar.

Chegu Md. Yusuf bin Gumbul dari Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam, Bandar Brunei ka-Sekolah Melayu Masin menjadi Guru Besar.

Chegu Yazid bin Ibrahim dari Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar ka-Sekolah Melayu Belingos menjadi Guru Besar.

Chegu Mahadi bin Metersad dari Sekolah Melayu Lela Menchanai ka-Sekolah Melayu Barua2 menjadi Guru Besar.

Chegu Hashim bin Abd. Kadir dari Sekolah Melayu Abdul Rashid Tanjung Maya ka-Sekolah Melayu Supon menjadi Pemangku Guru Besar.

Chegu Limpah bin Kongpau dari Sekolah Melayu Ukong ka-Sekolah Melayu Belaban menjadi Pemangku Guru Besar.

GURU2 PENOLONG

Chegu Md. Yasin bin Ahmad dari Sekolah Melayu Birau ka-Sekolah Melayu Muda Hashim menjadi Guru Penolong.

Chegu Hamdan bin Md. Said dari Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar ka-Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam, Bandar Brunei menjadi Guru Penolong.

Chegu P. Bakar bin P. M. Salleh dari Sekolah Melayu Rampayoh ka-Sekolah Melayu Lamunin menjadi Guru Penolong.

Chegu Md. Noor bin Taib dari Sekolah Melayu Layong ka-Sekolah Melayu Penanjong menjadi Guru Penolong.

Chegu Md. Deli bin Jais dari Sekolah Melayu Penanjong ka-Sekolah Melayu Muda Hashim menjadi Guru Penolong.

Chegu Moksin bin Abu Bakar dari Sekolah Melayu Muhammad Alam ka-Sekolah Melayu Sengkurong menjadi Guru Penolong.

Chegu Ak. Ibrahim bin P. Damit dari Sekolah Melayu Sengkurong ka-Sekolah Melayu Muhammad Alam menjadi Guru Penolong.

Chegu Maisiti bte Abd. Hamid dari Sekolah Melayu Sengkurong ka-Sekolah Melayu Muhammad Alam menjadi Guru Penolong.

Chegu Normah bte Ali Hasan dari Sekolah Melayu Muda Hashim ka-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin menjadi Guru Penolong.

Chegu Abd. Rahman bin Jaafar dari Sekolah Melayu Masin ke-Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam, Bandar Brunei menjadi Guru Penolong.

Chegu Armah bte Ibrahim dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin ka-Sekolah Melayu Subok menjadi Guru Penolong.

Chegu Ali bin Sahat dari Sekolah Melayu Muhammad Alam ka-Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam, Bandar Brunei menjadi Guru Penolong.

SEKOLAH2 MELAYU

Chegu Shahbudin bin Paya dari Sekolah Melayu Abdul Rashid, Tanjung Maya ke-Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar menjadi Guru Penolong.

Chegu Zainah bte Umar dari Sekolah Melayu Abdul Rashid Tanjung Maya ka-Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar menjadi Guru Penolong.

Chegu Ak. Yunus bin P. Besar dari Sekolah Melayu Delima I ka-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin menjadi Guru Penolong.

Chegu Safiah bte DHM. Yusuf dari Sekolah Melayu Delima I ka-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin menjadi Guru Penolong.

Chegu Seruji bin Ahmad dari Sekolah Melayu Muda Mashim ka-Sekolah Melayu Penanjong menjadi Guru Penolong.

Chegu Asli bin M. Jaafar dari Sekolah Melayu Pengkal Batu ka-Sekolah Melayu Lela Menchanai menjadi Guru Penolong.

Chegu Md. Saleh bin A. Rahman dari Sekolah Melayu Pengkal Batu ka-Sekolah Melayu Puni menjadi Guru Penolong.

Chegu Dk. Saifah bte P. Wahid dari Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas ka-Sekolah Melayu Kiulap menjadi Guru Penolong.

Chegu Abd. Rahman bin Othman dari Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut ka-Sekolah Melayu Sengkurong menjadi Guru Penolong.

Chegu Saihah bte Abdul Latif dari Sekolah Melayu Puni ka-Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar menjadi Guru Penolong.

Chegu Thani bin Haji Daud dari Sekolah Melayu Barua2 ke-Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam, Bandar Brunei menjadi Guru Penolong.

Chegu Momin bin Nasir dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin ka-Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam, Bandar Brunei menjadi Guru Penolong.

Chegu Kamsiah binte DHM. Yusuf dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin ka-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei menjadi Guru Penolong.

Chegu Zaleha bte Abd. Rahman dari Sekolah Melayu Sungai Besar ka-Sekolah Melayu Pudak menjadi Guru Penolong.

Chegu Abang bin Adal dari Sekolah Melayu Kiudang ka-Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas menjadi Guru Penolong.

Chegu Siti Alam bte M. Noor dari Sekolah Melayu Muda Hashim ka-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei menjadi Guru Penolong.

Chegu Dk. Masurai bte P. Idris dari Sekolah Melayu Muhammad Alam ka-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei menjadi Guru Penolong.

Chegu Dk. Norsalam bte P. A. Daud dari Sekolah Melayu Muhammad Alam ka-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei menjadi Guru Penolong.

Chegu Asiah bt Abd. Latif dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait ka-Sekolah Melayu Rampayoh menjadi Guru Penolong.

GURU2 PELATEH

Chegu Itis bin Yaban dari Sekolah Melayu Benutan ka-Sekolah Melayu Rambai menjadi Guru Pelateh.

Chegu Pakai bin Litoh dari Sekolah Melayu Rambai ka-Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota, Kuala Tutong menjadi Guru Pelateh.

Chegu Singok bin Ganpar dari Sekolah Melayu Pengiran Muda

Mahkota, Kuala Tutong ka-Sekolah Melayu Benutan menjadi Guru Pelateh.

Chegu Malai Salleh b. M. Yahya dari Sekolah Melayu Labi ka-Sekolah Melayu Muhammad Alam menjadi Guru Pelateh.

Chegu Ak. Idris bin P. Salleh dari Sekolah Melayu Muhammad Alam ka-Sekolah Melayu Labi menjadi Guru Pelateh.

Chegu Zainuddin bin Bungsu dari Sekolah Melayu Sungai Besar ka-Sekolah Melayu Abdul Rashid, Tanjung Maya menjadi Guru Pelateh.

Chegu Ibrahim bin Idrus dari Sekolah Melayu Sungai Liang ka-Sekolah Melayu Muhammad Alam menjadi Guru Pelateh.

Chegu Rani bin Metasan dari Sekolah Melayu Muhammad Alam ka-Sekolah Melayu Sungai Liang menjadi Guru Pelateh.

Chegu A. Zainal bin Metusin dari Sekolah Melayu Anggerek Desa ka-Sekolah Melayu Lambak menjadi Guru Pelateh.

Chegu A. Damit bin Shamsudin dari Sekolah Melayu Lambak ka-Sekolah Melayu Lela Menchanai menjadi Guru Pelateh.

Chegu A. Ahmad bin Burut dari Sekolah Melayu Anggerek Desa ka-Sekolah Melayu Lela Menchanai menjadi Guru Pelateh.

Chegu Ismail bin Muhamad dari Sekolah Melayu Lumapas ka-Sekolah Melayu Sungai Kebun menjadi Guru Pelateh.

Chegu Tusin bin Tamat dari Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut ka-Sekolah Melayu Lamunin menjadi Guru Pelateh.

Chegu Safar bin M. Noor dari Sekolah Melayu Burong Pingai Baru ka-Sekolah Melayu Lela Menchanai menjadi Guru Pelateh.

Chegu Ak. Tajuddin bin P. Munggu dari Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara Sekolah Melayu Delima I menjadi Guru Pelateh.

Chegu Musa bin Libut dari Sekolah Melayu Serasa ka-Sekolah Melayu Keriam menjadi Guru Pelateh.

Chegu Ak. Muhamad b. P. Razak dari Sekolah Melayu Tanah Jambu ka-Sekolah Melayu Batu Marang menjadi Guru Pelateh.

Chegu Jeneh bin Aji dari Sekolah Melayu Kampong Bukit ka-Sekolah Melayu Lamunin menjadi Guru Pelateh.

Chegu Kerapu bte Tunggong dari Sekolah Melayu Lamunin ka-Sekolah Melayu Bukit Udal menjadi Guru Pelateh.

Chegu Masiah bte Marsal dari Sekolah Melayu Bukit Udal ka-Sekolah Melayu Abdul Rashid, Tanjung Maya menjadi Guru Pelateh.

Chegu Saniah bin M. Jaya dari Sekolah Melayu Rambai ka-Sekolah Melayu Muda Hashim menjadi Guru Pelateh.

Chegu Othman bin Basiah dari Sekolah Melayu Sultan Hashim Batu Apoi ka-Sekolah Melayu Lela Menchanai menjadi Guru Pelateh.

Chegu Mamit bin Baha dari Sekolah Melayu Bukok ka-Sekolah Melayu Labu Estate menjadi Guru Pelateh.

Chegu Ali bin Abdul Hamid dari Sekolah Melayu Labu Estate ka-Sekolah Melayu Lela Menchanai menjadi Guru Pelateh.

Chegu Masnah bte Husain dari Sekolah Melayu Keriam ka-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei menjadi Guru Pelateh.

Chegu Abdul Rahman bin Apong dari Sekolah Melayu Sengkurong ka-Sekolah Melayu Sungai Besar menjadi Guru Pelateh.

UTAMAKAN-LAH BAHASA KEBANGSAAN

PERTANDINGAN BINTANG RADIO BRUNEI

*Burong nuri di-Kebun Raja,
Turun hinggap di-tepi perigi.
Tahun ini tidak berjaya -
Tahun hadapan chuba-lah lagi!
- kata Awang Freitas.*

BANDAR BRUNEI.—Tujuan utama di-adakan Pertandingan Bintang Radio ia-lah semata2 untuk memberi galakan kepada pemuda pemudi yang berbakat dalam seni suara di-negeri ini yang maseh banyak terpendam bagitu sahaja. Demikian kata Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awang G. V. de Freitas pada masa beliau merasmikan pembukaan Pertandingan Akhir Bintang Radio Brunei Tahun 1965 di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam 6 Februari.

Selanjut-nya Awang Freitas menegaskan, "Seni suara ada-lah satu jurusan kebudayaan yang bagitu pesat mengalami perubahan, baik di-kalangan penyanyi2-nya mahu pun dalam lapangan rentak irama-nya. Namun bagitu perubahan-nya, jangan-lah sampai menodai keaslian seni suara yang kita anuti dan biar-lah seni suara Melayu jadi sama sempadan dengan tingkah dan gaya-nya.

Dalam ucapan-nya Awang Freitas berkata bahawa di-samping itu, dengan ada-nya pertandingan tersebut, akan bertambahlah tinggi-nya mutu seni suara supaya pada suatu masa nanti penyanyi2 di-negeri ini tidak akan kalah dengan penyanyi2 di-negeri2 yang lain dalam lapangan itu.

"Kita semua tahu bahawa semua bangsa dalam dunia ini menghanut berbagai2 rupa kesenian

dan kebudayaan. Mereka tidak puas dengan bagitu sahaja. Mereka sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi mutu kesenian dan kebudayaan mereka itu supaya sesuai dengan peredaran zaman, terutama sekali dari segi seni suara", kata beliau.

"Kapada mereka2 yang mengambil bahagian pada malam ini, saya berharap mereka akan bersungguh2 berusaha bagi mencapai kejayaan. Kapada yang akan berjaya nanti, saya ucapkan satinggi2 tahniah. Mereka2 yang tidak bernasib baik, saya harap akan bersungguh2 berusaha pada tahun2 yang akan datang. Moga2 dengan usaha dan ketabahan, mereka2 akan berjaya pada suatu masa nanti".

Beliau menamatkan ucapan-nya dengan berpanton:

*Burong nuri di-Kebun Raja,
Turun hinggap di-tepi perigi.
Tahun ini tidak berjaya -
Tahun hadapan chuba-lah lagi!*



Yang Mulia Datin Hajjah Salmah binti Mohamed Yusuf, Isteri Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim kelihatan dalam gambar ini menyampaikan Oskar Radio Brunei kepada Biduan Ali Haji Paun yang telah berjaya menjadi Johan dalam Pertandingan Akhir Bintang Radio Brunei Tahun 1965 di-Padang Besar, Bandar Brunei pada malam 7 Februari.



Pengarah Penyiaran dan Penerangan Brunei, Awang G.V. de Freitas telah merasmikan pembukaan Pertandingan Akhir Bintang Radio Brunei Tahun 1965 di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam 6 Februari. Dalam gambar ini kelihatan Awang Freitas memberi ucapan di-majlis tersebut.

PEMENANG² OSKAR RADIO BRUNEI TAHUN 1965

**Penyanyi Lelaki - Ali Haji Paun
Penyanyi Wanita - Maimun Salleh.**

BANDAR BRUNEI. — Biduan Ali Haji Paun dan Biduanita Maimun Salleh, kedua2-nya dari Daerah Belait telah berjaya merebutkan gelaran Kejohanan Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1965.

Biduan Ali Haji Paun telah menjadi Johan Bahagian Lelaki, manakala Biduanita Maimun Salleh pula telah menjadi Johan Bahagian Wanita.

Dengan kemenangan tersebut Biduan Ali Haji Paun telah berhasil memenangi semula, pada kali yang kedua, OSKAR RADIO BRUNEI yang beliau telah memenangi dalam Tahun 1960. Pada tahun 1964 Oskar tersebut telah di-menangi oleh Biduan H.B. Adenani dari Daerah Tutong.

Biduanita Maimun Salleh pula telah berhasil memenangi Oskar tersebut pada kali yang pertama. Oskar itu telah di-menangi oleh Biduanita Norleha Mohamed Noor dalam Tahun 1964.

Pertandingan Akhir Bintang Radio Brunei Tahun 1965 telah di-langsungkan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam 6 Februari yang lalu dengan di-saksikan oleh ramai para penonton. Terlebih dahulu pertandingan itu di-jadual hendak di-adakan di-sa-buah pentas yang

khas di-Padang Besar Bandar Brunei pada malam tersebut juga. Akan tetapi oleh kerana hujan telah turun sa-belum pertandingan itu di-mulai, maka pertandingan itu telah di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan.

Pengarah Penyiaran dan Penerangan Brunei, Awang G.V. de Freitas telah merasmikan pembukaan pertandingan tersebut.

Semua-nya 34 orang peserta2 yang mewakili Daerah masing2 telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Peserta2 yang banyak sekali ia-lah dari Daerah Brunei/Muara ia-itu sebanyak 15 orang, mengandungi 7 orang biduan dan 8 orang biduanita. Peserta2 dari Daerah Belait ia-lah seramai 8 orang, ia-itu 4 orang biduan dan 4 orang biduanita. Peserta2 dari Daerah Tutong ia-lah seramai 8 orang,

ia-itu seramai 4 orang biduan dan 4 orang biduanita manakala peserta2 dari Daerah Temburong ia-lah seramai 3 orang ia-itu sa-orang biduan dan 2 orang biduanita.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Datin Hajjah Salmah binti Mohamed Yusuf, ia-itu isteri Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim di-Padang Besar Bandar Brunei pada malam 7 Februari.

Pertandingan tersebut di-hakimkan oleh Awang Md. Yussof Kassim, Awang Kamis Ahmad, Awang Ahmad Md. Yatim dan Dayang Mariam Tengah.

Keputusan penoh pertandingan tersebut ada-lah seperti berikut:

ASLI (LELAKI): Johan — Ali Haji Paun (Daerah Belait). Naib Johan — Awangku Emran Pengiran Manai (Daerah Brunei/Muara). Pemenang Ketiga — M.S. Bakri (Daerah Brunei/Muara).

LANGGAM (LELAKI): Johan — Ali Haji Paun (Daerah Belait). Naib Johan — A.B. Shahari (Daerah Brunei/Muara). Pemenang Ketiga — M.S. Bakri (Daerah Brunei/Muara).

ASLI (WANITA): Johan — Dayangku Sharifah Pengiran Besar (Daerah Brunei/Muara). Naib Johan — Taibah Haji Abdul Rahim (Dae-



Maimun Salleh, sa-orang Biduanita yang terkenal di-Negeri Brunei telah berhasil menjadi Johan dalam Pertandingan Akhir Bintang Radio Brunei Tahun 1965. Maimun (terkenal dengan nama "S. RAMONA"), bukan sahaja telah meningkat ka-darjah yang tinggi dalam lapangan seni suara, bahkan ia juga kini sedang maju dalam lapangan peajaran, sokan dan lain2-nya.

★ ★ ★
rah Temburong). Pemenang Ketiga — Zainun Jamil (Daerah Belait).

LANGGAM (WANITA): Johan — Maimun Salleh (Daerah Belait). Naib Johan — Zainun Jamil (Daerah Belait). Pemenang Ketiga — Taibah Haji Abdul Rahim (Daerah Temburong).

PENYANYI2 YANG TERBAIK SEKALI: Bahagian Lelaki — Pertama: Ali Haji Paun (Daerah Belait). Kedua: M.S. Bakri (Daerah Brunei/Muara). Bahagian Wanita — Pertama: Maimun Salleh (Daerah Belait). Kedua: Zainun Jamil (Daerah Belait).

TITAH D. Y. M. M. MAULANA AL-SULTAN

(Sambongan Dari Muka 1)

sahakan dan merancang satu2 ranchangan untuk membena sa-buah negara dengan harapan mudah2an akan menghasilkan pada menambah mutu dan memperbaiki taraf hidup penduduk2 ya'ini taraf hidup ra'ayat pendu-dok dalam satu2 negara itu akan maju terjamin dan laila bermu-nafa'at.

Ketiga satu2 bagi perkembang-an kemajuan ra'ayat dan negara itu maka ra'ayat seluroh-nya wajib-lah ikut bertanggung jawab bagi menjayakan segala usaha ranchangan2 Kerajaan bagi fae-dah ra'ayat sekalian dan menuju ka-arah kema'amoran dan ke-bahagiaan negara laila berkekalan serta aman sentosa.

Ra'ayat juga hendak-lah ber-ganding bahu memberi laila ker-jasama dengan Kerajaan teruta-ma sekali dalam mengawal kese-lamatan dan ketenteraman.

Dengan ada-nya negara sentiasa dalam keadaan aman, maka da-pat-lah sekalian ra'ayat akan menikmati kema'amoran dan ke-bahagiaan yang telah ada dalam negara dan akan dapat menam-bah laila berjenis2 usaha yang kebajikan dan mudah2an dengan izin Allah Subahanahu Wata'ala akan terselamat-lah negara dan ra'ayat seluroh daripada binchana bagi membolehkan Kerajaan ber-usaha pada meranchangkan per-kembangan2 kemajuan2 untuk faedah ra'ayat dan negara dari semasa ka-semasa seperti atau sebagai negeri kita Brunei ini.

Dengan ada-nya taraf ra'ayat bersama2 memelihara, mengawal keamanan, insba Allah kita se-mua akan dapat menjauhi segala pencherobohan yang akan men-datangkan kemukaran yang tidak di-ingini oleh ra'ayat negara yang chintakan keamanan dan ingin-kan negara-nya sentiasa berada dalam ketenteraman dan sukakan negara-nya berkekalan di-sebut dengan sebutan negara atau Ne-geri Brunei Darul Salam.

Pada menjalankan laila usaha bagi mempertahankan, mengawal serta menjaga keamanan keten-teraman, keselamatan ra'ayat se-luroh-nya dan kema'amoran ne-gara ada-lah wajib bagi ra'ayat negara dan di-puji di-sisi Ugama kita ia-itu Ugama Islam yang maha suchi.

Selain dari itu beta berdo'a ka-hadrat Allah mudah2an ra'-ayat di-negara kita sentiasa di-lindungi oleh Allah Subahanahu Wata'ala daripada segala fitnah dan kemukaran yang mana sa-perti telah kita sekalian alami atau kejadian2 burok dalam ta-hun 1962.

Bagi penutup ucapan beta, beta ingin menyampaikan SE-LAMAT HARI RAYA IDIL FITRI kepada seluroh umat Islam di-Negeri Brunei ini dan juga mengucapkan SELAMAT TAHUN BAHARU kepada pendu-dok2 Tiong Hua di-negeri ini. Sekian Assalamualaikum War-ahmatullahi Ta'ala Wabarakat-tuhu."

Y. T. M. DULI PENGIRAN PEMANCHA KEMBALI DARI UNITED KINGDOM

BERAKAS.—Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dengan di-iringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Muhammad telah kembali ka-Brunei dari United Kingdom dengan kapal terbang pada tengah hari Ahad 7 Februari, 1965.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra telah berangkat ka-United

Kingdom dalam bulan Januari yang lalu untuk menghantarkan sa-orang Putera Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, dua orang Putera2 Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan dua orang Putera2 Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim melanjutkan pelajaran di-United Kingdom.

"SERBA NEKA AIDIL FITRI" ANJORAN RADIO BRUNEI

BANDAR BRUNEI.—Ramai para penonton telah menyaksikan temasha Serbanika Aidil Fitri yang telah di-persembahkan oleh Radio Brunei Bahagian Melayu bertempat di-sabuh pentas yang khas di-Padang Besar, Bandar Brunei pada malam 7 Februari.

Tiga buah pancharagam telah mengambil bahagian di-temasha tersebut, ia-itu Enam Sekawan

(Di-ketuai oleh Idris Mohamad), Pancha Kirana Orkes (Di-pimpin oleh Bujang Johari) dan Irama Perindu Orkes (Di-ketuai oleh Awangku Abdul Rahman bin Pengiran Alim dan Awangku Damit bin Pengiran Kalong).

Para penonton juga telah menyaksikan tiga lakonan jenaka yang istimewa oleh Keluarga Mat Buntak.

Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei

SO'ALAN DAN JAWAPAN BERTULIS

(Sambongan Minggu Lalu)

SO'ALAN OLEH YANG BERHORMAT AWANG MOHD. TAIB BIN HAJI MOHD. SALLEH: RANCHANGAN PERTANIAN

5) Ada-kah Jabatan Pertanian Brunei ini mempunyai Ranchan-gan Pertanian yang sa-benar2 mementingkan ra'ayat semua-nya, atau ada-kah Pejabat ini hanya akan di-jalankan seperti yang sudah2 dengan nampak-nya tidak memberi apa2 faedah kepada ne-geri?

Jabatan Pertanian ada-lah sa-lah satu daripada Jabatan2 Ke-rajaan. Sudah tentu sa-barang kerja2, dari yang sa-kecil2-nya hingga sa-besar2-nya di-seleng-garkan menurut ranchangan2 yang tertentu — terutama sekali untuk faedah dan kepentingan ra'ayat jelata.

Segala ranchangan2 untuk masa depan telah pun di-seleng-garkan; chuma ia-nya menanti-kan penyempurnaan-nya sahaja. Boleh jadi kerana kerja2 di-buat dari sa-langkah ka-salangkah, maka kemajuan-nya tidak terasa kapada sa-tengah orang.

BANGUNAN BAHARU JABATAN UGAMA KUALA BELAIT

KUALA BELAIT. — Pemangku Pesuruh Jaya Kemajuan Negara, Brunei, Yang Berhormat Awang John Lee telah meletakkan Batu Asas bangunan baharu Jabatan Hal Ehwal Ugama Kuala Belait pada pagi hari Khamis 11 Februari, 1965.

Bangunan tersebut akan di-bena di-kawasan Masjid lama Kuala Belait, ia-itu tidak jauh dari Masjid Muham-mad Jemalul Alam.

Sa-belum Yang Berhormat Awang John Lee memberi ucapan dan menyempurnakan istiadat tersebut, ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Kadzi Daerah Belait, Sahibul Fad-hilah Begawan Mudim Haji Adenan; Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail; Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin dan oleh Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud.

Majlis itu di-akhiri dengan bacaan Do'a Selamat oleh Imam Masjid Muhammed Jemalul Alam, Kuala Belait, Awang Tamin bin Abdul Hamid.

Kemudian para hadhirin telah di-ra'ikan dengan jamuan makan di-Masjid Muhammed Jemalul Alam.

11,512 ORANG MELAWAT KA-ISTANA PADA MASA HARI RAYA

BANDAR BRUNEI. — Seramai 11,512 orang, lelaki dan perempuan dari berbagai2 bangsa telah berku-njung ka-Istana Darul Hana selama 4 hari mulai pada Hari Raya yang kedua untuk menziarahi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri serta meng-ucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada Baginda2 dan Keluarga Baginda2.

Jumlah para pelawat ka-Istana Darul Hana pada tiap2 hari terse-but ada-lah seperti berikut:

Hari Khamis 4 Februari — 3,511 orang. Hari Juma'at 5 Februari — 4,124 orang. Hari Sabtu 6 Februari — 2,593 orang dan Hari Ahad 7 Februari — 1,284 orang.

Para pelawat tersebut telah di-jamu dengan Kueh2 dan minuman Hari Raya se-belum mereka men-ziarahi Baginda2.

PERJUMPAAN MUHIBBAH PERKASA

KAMPONG SABA LAUT. — Per-satuan Kampong Saba (PERKASA) Brunei, akan mengadakan Perjump-an Muhibbah Aidil Fitri pada hari Juma'at 19 Februari bertempat di-Sekolah Melayu Lela Menchanai mulai pukul 2 petang.

Menurut penerangan Setia Usaha temasha tersebut, Awang Ibrahim bin Muhammad, tujuan PERKASA meng-adakan majlis tersebut ia-lah untuk merayakan Hari Raya Aidil Fitri di-samping berkenal2an di-antara ahli2 persatuan tersebut serta memperperat-kan perhubungan di-antara PER KASA dengan persatuan2 yang lain.

TEMASHA ANEKA HIBORAN ANJORAN G.M.P.P.

KUALA BELAIT. — Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi Kuala Belait akan mempersembahkan temasha Aneka Hiboran Aidil Fitri sa-bagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri di-Dewan Bilek Bacha'an Ja-batan Penyiaran dan Penerangan, Kuala Belait pada 20 Februari mulai pukul 8 malam.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-temasha tersebut ia-lah persembahan2 nyanyian, tarian, tablo, lawak-jenaka dan lain2-nya.

MASHUARAT AGONG G.P.P.S.

BUKIT BENDERA, TUTONG. — Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Johari bin Abdul Razak telah membuka dengan rasmi-nya Ma-shuarat Agong Persatuan Gerakan Pakatan Pemuda Sukarela (G.P.P.S.) Tutong di-Dewan Kembang Teratai, Sekolah Melayu Muda Hashim Bukit Bendera, Tutong pada pagi hari Juma'at 12 Februari.

Ramai ahli2 persatuan tersebut serta beberapa orang para jemputan telah hadir di-majlis tersebut. Di-antara-nya ia-lah Pegawai Kebajikan Masharakat Negara Brunei, Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri; Yang Dipertua Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei, Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid; Pengelola Pergerakan Belia Negeri Brunei, Awang Zulkiflie Haji Abdul-lah; Pemereksa Sekolah2 Ugama Daerah Tutong, Awang Abdul Hamid bin Mohamed Daud dan lain2-nya.

Ucapan2 telah di-lafadzkan oleh belia2 tersebut serta juga oleh Pe-mangku Yang Dipertua G.P.P.S., Awang Imran bin Husain; Setia Usaha Agong G.P.P.S., Awang M. Shariff Naweh dan lain2-nya.

Persatuan G.P.P.S. telah mangada-kan Mashuarat Agong-nya, pada sa-belah petang hari tersebut bertempat di-Dewan Kembang Teratai, Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Y. A. B. MENTERI BESAR BRUNEI

Menyeru Seluruh Ra'ayat Negeri Ini Memberikan Kerjasama Kapada Ranchangan Kemajuan Perlembagaan

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un telah menyeru kepada seluruh ra'ayat di-Negeri Brunei. "Supaya membuat baik dan memberikan kerjasama kepada Ranchangan Kemajuan Perlembagaan yang akan kita jalankan tidak berapa lama lagi, kerana ada-lah di-perchayai dengan penoh keyakinan bahawa dengan berjalan-nya Ranchangan Pilehan Raya tersebut maka kita akan maju sa-tapak ka-arrah chita2 kita dan tentu-lah Pilehan Raya yang akan di-lancharkan itu mengandongi erti-nya bahawa di-sifatkan sebagai sejarah khas dalam lapangan siasah di-negeri ini".

Seruan tersebut ada-lah terkandung dalam ucapan yang telah di-lafadzkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal sebagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri pada tahun ini.

Ucapan Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal dengan sapenoh-nya ada-lah di-siarkan di-bawah ini:

"Menjelang-nya 1 haribulan Shawal, tahun 1384 ini maka saya mengambil peluang mengucap-kan Selamat Berhari Raya kepada seluruh umat Islam di-Brunei khas-nya dan seluruh dunia am-nya.

Di-Hari Raya yang mulia ini, mari-lah kita bershukor kepada Tuhan kerana kita telah dapat menunaikan fardzu puasa dengan sa-baik2-nya dan mari-lah kita berdo'a agar kita akan dapat menunaikan puasa dengan baik-nya dan sempurna di-tahun2 yang akan datang.

Di-samping itu tentu-lah banyak perkara2 yang patut kita jadikan chuntuh di-masa kita menunaikan fardzu puasa itu, khas-nya kita hendak-lah insaf bahawa bagaimana pahit dan getir-nya manusia2 yang melarat yang tidak tentu makan minumannya. Oleh yang demikian hendak-lah kita menanamkan di-jiwa kita perasaan ingin tolong menolong dan bekerjasama untuk mencapai satu masharakat yang adil dan ma'amor yang di-ridai Tuhan. Dalam perkara ini, saya suka menerangkan; kemaamoran, keadilan, ketenteraman, tidak akan dapat di-chapai dengan tidak ada-nya perasaan persamaan, perasaan tolong-menolong, perasaan bergotong-royong maka mudah-mudahan dengan berkat hari yang mulia ini kita umat Islam di-Brunei ini akan dapat menginsafi dan mengamalkan buat selama2-nya untuk kebajikan ra'ayat dan negeri kita sendiri.

Saya sebagai Ketua Pentadbir di-negeri ini ingin menarek perhatian kepada seluruh penduduk di-negeri ini supaya tuan2 akan dapat memerhatikan dan bershukor dengan ada-nya kemajuan2 yang telah di-usahakan oleh Kerajaan pada tahun2 yang lalu.

Saya perchaya tentu-lah segala usaha2 dan kemajuan2 yang telah kita saksikan itu tidak akan dapat di-laksanakan dengan baik-nya jikalau tidak dengan kerjasama daripada beberapa bahagian untuk menjalankan dan memajukan perusahaan dan kemajuan2 ini. Ini juga terbokti ra'ayat di-negeri ini ada-lah memberikan kerjasama-nya kepada Kerajaan.

Saya tidak pula menapikan penduduk2 yang bukan ra'ayat di-negeri ini ada-lah juga bersama2 sabahagian memberikan kerjasama-nya untuk kemajuan yang kita telah lihat pada hari ini.

Oleh itu tiap2 ra'ayat ada mempunyai tanggung-jawab yang besar di-dalam mendukung segala usaha2 kemajuan yang diranchangkan oleh Kerajaan sebagai yang tuan2 telah ma'alum sekarang Negeri Brunei sedang menuju pula ka-arrah kemajuan Perlembagaan, di-mana Kerajaan akan mengadakan pilehan raya bagi memilih wakil2 untuk duduk di-dalam Majlis Mashuarat Daerah dan juga di-dalam Majlis Mashuarat Negeri.

Ini ada-lah mensesuaikan atau

sesuai dengan chita2 Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang ingin memberikan kuasa sashara beransor2 kapada ra'ayat-nya dalam mengendalikan dan mentadbirkan negeri ini.

Oleh yang demikian saya berseru kepada seluruh ra'ayat di-negeri ini supaya akan membuat baik dan memberikan kerjasama kepada ranchangan kemajuan Perlembagaan yang akan kita jalankan tidak berapa lama lagi kerana ada-lah di-perchayai dengan penoh keyakinan bahawa dengan berjalan-nya ranchangan pilehan raya tersebut maka kita akan maju satapak kaarah chita2 kita dan tentu-lah pilehan raya yang akan di-lancharkan itu mengandongi erti-nya bahawa di-sifatkan sebagai sejarah khas dalam lapangan siasah di-negeri kita ini.

Dalam pada itu kemajuan Perlembagaan yang sedang di-ranchangkan itu tidak ada erti-nya sakira-nya ra'ayat di-negeri ini berpechah-belah. Oleh yang demikian saya berseru kepada seluruh ra'ayat di-negeri ini mudah-mudahan dengan berkat hari dan bulan baik ini kita akan bersatupadu dan mari-lah kita bekerjasama, mari-lah kita berusaha menchari jalan untuk kebaikan dan kemaamoran negeri kita Brunei Darul Salam yang di-chintai ini.

Saya memperchayai tiap2 orang ra'ayat di-negeri ini samemang-nya telah berchita2 supaya negeri ini sentiasa berada di-dalam kemaamoran dan ketenteraman. Mudah-mudahan



Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal bin Maun.

chita2 itu akan di-ridai oleh Tuhan supaya negara kita yang di-kasehi ini akan sentiasa aman tenteram buat selama2-nya. Dari itu sakali lagi saya memperingatkan chita2 yang suchi murni itu tidak akan terlaksana sakira-nya kita berpechah-belah.

Akhir-nya di-hari yang mulia ini, mari-lah kita berjabat tangan, berma'af-ma'afan dan menghilangkan rasa hasad dengki dan marilah kita berkerja bergotong-royong untuk membina negeri kita ini dan menjunjung ugama kita dengan sa-ikhlas2-nya, bermana apa2 yang telah tidak baik pada masa yang sudah maka dengan berkat hari ini-lah kita akan menempah sejarah baharu dan melupakan apa yang tidak baik di-tahun yang sudah itu."

AWANG SPINKS BEKAS KETUA MERINYU PULIS BRUNEI KINI BERADA DALAM KEADAAN SEHAT DI-ENGLAND—KATA ANAK-NYA

BANDAR BRUNEI.—Awang Hector James Spinks, bekas Ketua Merinyu Pulis Brunei dalam tahun1947, pada masa ini berumur 64 tahun dan tinggal di-Oxford, England. Ia telah pun bersara dari jawatan Kerajaan dan berada dalam keadaan sehat.

Demikian di-terangkan oleh anak-nya Kaptan Peter James Spinks kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan beberapa orang Pegawai Kanan Kerajaan di-atas Kapal Perang Angkatan Laut Di-Raja British, "Puncheston" di-sini pada malam 6 Februari, 1965.

Kaptan Peter James Spinks pada masa sekarang menjadi Ketua Kapal Pengangkutan Barang2 Tentera British yang berulang-alek di-antara Brunei, Labuan dan pelabuhan2 yang berhampiran.

Beliau telah tiba di-Brunei dalam bula September yang lalu dan kini tinggal di-negeri ini.

Waktu2 Sembahyang, Amsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 17 Februari hingga ka-hari Ahad 28 Februari, 1965 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Matahari						
Bulan	Amsak	Suboh	Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
17	5.06	5.20	6.35	12.40	4.00	6.38	7.49
18	5.06	5.20	6.35	12.40	4.00	6.38	7.49
19	5.06	5.20	6.35	12.39	3.59	6.38	7.49
20	5.05	5.19	6.34	12.39	3.59	6.38	7.49
21	5.05	5.19	6.34	12.39	3.59	6.38	7.49
22	5.05	5.19	6.34	12.39	3.59	6.38	7.49
23	5.04	5.18	6.33	12.39	3.59	6.38	7.49
24	5.04	5.18	6.33	12.39	3.59	6.38	7.49
25	5.04	5.18	6.33	12.39	3.59	6.38	7.49
26	5.04	5.18	6.33	12.39	3.59	6.38	7.49
27	5.04	5.18	6.33	12.39	3.59	6.38	7.49
28	5.03	5.17	6.32	12.38	3.58	6.38	7.49

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

JAWATAN² KOSONG

JAWATAN² KOSONG DI-PEJABAT HAL EHWAL UGAMA

Permohonan² ada-lah di-jemput dari chalon² yang menjadi ra'ayat atau yang berhak untuk di-daftarkan menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bagi memenohi jawatan² kosong di-Pejabat Hal Ehwal U gama, Brunei.

1. PENYIASAT HAL EHWAL UGAMA (satu jawatan kosong).

KELAYAKAN DAN PENGALAMAN:

(i) Umor di-antara 18 tahun hingga 35 tahun.

(ii) Mesti-lah lulus sekurang2-nya darjah V Sekolah Melayu.

(iii) Hendak-lah mengetahui ilmu dan rukun² hal ehwal U gama Islam.

(iv) Satu pepereksaan mengenai pengetahuan hal ehwal U gama Islam akan di-adakan.

(v) Pegawai² yang berpengalaman mengenai perkara ini adalah di-utamakan.

GAJI: Dalam sukatan gaji E. 3 \$250x10—300.

2. PENOLONG PENGAR-ANG: (satu jawatan kosong)

KELAYAKAN:

(i) Umor di-antara 18 tahun hingga 35 tahun.

(ii) Lulus darjah IV Sekolah Melayu dan darjah IV Sekolah U gama.

(iii) Mempunyai kechenderongan dalam lapangan karang mengarang.

(iv) Satu temu-duga akan di-adakan.

GAJI: Dalam sukatan gaji D(a) 1—2—3—4—5—6 \$350—370—380x20—600.

Pengawas Perchubaaan Di-Pejabat Penjara Brunei

Permohonan² ada-lah di-pelawa daripada chalon² yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk menjadi Pengawas Perchubaaan di-Pejabat Penjara, Brunei.

KELAYAKAN²:

(a) Pemohon² mesti-lah lulus Form IV di-Sekolah Inggeris dan darjah IV di-Sekolah Melayu dan telah berkhidmat sekurang2-nya 2 tahun di-Pejabat Penjara atau Pejabat Orang² Salah Muda atau Pejabat Kebajikan Masyarakat.

(b) Berumur di-antara 22 hingga 28 tahun.

(c) Tinggi sekurang2-nya 5' 4".

(d) Dada — Apabila di-kechilkan sekurang2-nya 34".

GAJI: Dalam sukatan P(b)3 \$380 x 20 — 420/EXAM/440 x 20 — 600.

Pemohon yang berjaya mesti-

3. PEGAWAI FERDZU KEPAYAH PEREMPUAN (satu jawatan kosong).

KELAYAKAN:

(i) Umor di-antara 18 tahun hingga 50 tahun.

(ii) Mesti-lah mengetahui mengenai hal ehwal U gama Islam dan rukun²-nya.

(iii) Satu pepereksaan sechara so'alan mulut akan di-adakan.

(iv) Pemohon yang berjaya mesti-lah bersedia di-tugaskan di-mana² daerah dalam negeri ini.

GAJI: Dalam sukatan gaji E. 1—2—3 \$183x7—211—220x10—260x20—280—290—300.

Permohonan² daripada Pegawai² Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua² Pejabat mereka. Ketua² Pejabat di-kehendaki menghantar laporan² sulit mengenai pemohon² itu bersama² dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan² mesti-lah di-penohi di-atas borang² yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei dan mesti-lah di-kembalikan kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal U gama Brunei, tidak lewat daripada 1 Mach, 1965.

lah bersedia untuk menjalani latehan di-seberang laut.

Permohonan² daripada Pegawai² Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua² Pejabat mereka. Ketua² Pejabat di-kehendaki menghantar laporan² sulit mengenai pemohon² itu bersama² dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan² mesti-lah di-penohkan di-atas borang² yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei dan mesti-lah di-kembalikan kepada Penguasa Penjara Brunei, tidak lewat dari 22 Februari, 1965.

Pemohon yang berjaya ada-lah di-kehendaki menjalankan masa perchubaaan selama 6 bulan.

MERINYU KONTREK CHAWANGAN KHAS

Permohonan² ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan² sebagai Merinyu Kontrek Chawangan Khas dalam Jabatan Pulis, Brunei.

KELAYAKAN²:

(a) Serendah² Pelajaran Form III Inggeris atau yang bersamaan dengan-nya.

(b) Umor 25 — 50 tahun.

(c) Pemohon² mesti-lah berbadan sehat dan sanggup membuat perjalanan yang lama di-Ulu.

GAJI: Dalam sukatan \$380x20—580. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan² dan pengalaman.

SHARAT² LANTEKAN: Sechara berkontrek selama dua tahun.

BAKSIS: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap² bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan² yang mesti di-penohi di-atas borang² yang boleh di-perolehi daripada Ibu Pejabat Pulis, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Pesuruhjaya Pulis, Brunei, tidak lewat daripada 28 Februari, 1965.

Pemereksa Pertukaran Buroh

Permohonan² ada-lah di-jemput daripada Pegawai² yang sedang berkhidmat di-dalam Perkhidmatan Kerajaan dan berjawatan tetap untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pemereksa Pertukaran Buroh di-Pejabat Buroh, Brunei.

GAJI: Dalam sukatan gaji \$211—220x10—260—280—290 x 20—370—380x20—560.

KELAYAKAN²:

Hanya pemohon² yang mempunyai kelayakkan² seperti berikut di-kehendaki memohon:—

(a) Pemohon² mesti-lah berkeputusan Form II Sekolah Inggris dan Darjah V Sekolah Melayu atau yang bersamaan dengan-nya.

(b) Pemohon² mesti-lah sudah berkhidmat sekurang2-nya 5 tahun dalam Pejabat² Kerajaan.

(c) Pemohon² mesti-lah mem-

punyai pengalaman berkenaan dengan hal-ehwal perburohan.

Permohonan² hendak-lah di-hantar melalui Ketua² Pejabat masing². Ketua² Pejabat di-kehendaki menghantar laporan² sulit mengenai pemohon² itu bersama dengan satu salinan Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan² yang mesti di-isi dalam borang² yang boleh di-dapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 18 Februari, 1965.

Pemandu Kereta di-Jabatan Kastam

Permohonan² ada-lah di-jemput untuk memenohi 1 jawatan kosong sebagai Pemandu Kereta Tingkatan II di-Jabatan Kastam, Brunei.

KELAYAKAN² DAN PENGALAMAN:

(a) Pemohon² mesti-lah mempunyai lesen memandu kereta.

(b) Pemohon² mesti-lah dari ra'ayat Sultan.

(c) Chalon² mesti-lah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebeh dari 50 tahun.

(d) Pemohon² mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman memandu serta tidak

pernah di-hukom kerana kesalahan memandu dengan chuai.

TUGAS²:

(a) Pemohon² mesti-lah bersedia menjalankan tugas di-siang atau malam hari.

(b) Berkebolehan membaiki kerosakan² yang kecil.

GAJI: Dalam sukatan \$180x4—200.

Permohonan² yang mesti di-penohkan di-atas borang² yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Februari, 1965.



GAMBAR KIRI (ATAS): Satu pemandangan di-Lapangan Terbang Berakas, Brunei sa-belum Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan berangkat ka-United Kingdom pada 28 Januari, 1965 untuk menghadiri istiadat mengkebumikan mayat mendiang Sir Winston Churchill.




GAMBAR KIRI (TENGAH): Awang Geoffrey Seymour, Penaja Latehan Pegawai2 B.B.C. London telah melawat ka-Brunei baharu2 ini. Dalam gambar ini kelihatan Awang Seymour bergambar dengan 3 orang Juruhebah2 Radio Brunei yang telah berlatih di-United Kingdom di-bawah pimpinan Pegawai B.B.C. itu. Dari Kiri ia-lah Dayangku Mariam binti Pengiran Metali, Awang Seymour, Dayangku Intan binti Pengiran Haji Apong dan Awang Adnan bin Haji Hassan.

GAMBAR KIRI (BAWAH): Ketua Sa-dikit Yassin Boestamam kanan dan H.M. Allen, "Raja" dan "Permaisuri" kelakar tempatan ia-itu di-antara ahli2 "Keluarga Mat Buntak" kelihatan dalam gambar ini berjenaka di-satu temasha anjoran Radio Brunei, Bahagian Melayu baharu2 ini.

GAMBAR KANAN (ATAS): Ramai jema'ah2 Haji dari Brunei telah berangkat ka-Mekah untuk menunaikan fardhu Haji baharu2 ini. Dalam gambar ini kelihatan di-antara jema'ah2 Haji dari Brunei bergambar di-Singapura sa-bagai kenangan sa-belum mereka belayar ka-Jeddah. Gambar dengan ehsan Awang Haji Metarsad, Kampong Kilanas, Brunei.

GAMBAR KANAN (TENGAH): Sa-bilangan daripada Ahli2 J. Kusa Derma Hari Raya Aidil Fitri Tahun 1965 kepada Anak2 Yatim, Oran2 Sakit dan Banduan2 bergambar di-Pejabat Penguasa Penjara Brunei pada masa mereka melawat ka-Penjara Jerudong untuk menghadihkan kueh2 dan minuman Hari Raya kepada banduan2.

GAMBAR KANAN (BAWAH): Beberapa orang Pengakap2 dari Brunei telah menghadihri Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia di-Sydney, Australia tidak beraga lama dahulu. Dalam gambar ini kelihatan Rombongan Pengakap2 dari Brunei bergambar dengan beberapa orang Pengakap2 yang lain di-perkhemahan tersebut.



PILEHAN RAYA MAJLIS2 MASHUARAT DAERAH DAN NEGERI BRUNEI:

BANDAR BRUNEI. — Surohanjaya Pilehan Raya telah menetapkan 18 Februari, 1965 sebagai hari menamakan chalun bagi Pilehan Raya Majlis2 Mashuarat Daerah,

Jika sa-kira-nya ada pertandingan di-dalam sebarang kawasan pemilihan, maka Hari Membuang Undi di-tetapkan pada 18 Mach, 1965.

Semua-nya ada sebanyak 55 kawasan2 menamakan chalun bagi Pilehan Raya Majlis2 Mashuarat Daerah. Kawasan2 itu mengandungi sebanyak 24 kawasan dalam Daerah Brunei, 12 kawasan dalam Daerah Tutong. 12 kawasan dalam Daerah Belait dan 7 kawasan dalam Daerah Temburong.

Tempat2 khas, seperti di-sebutkan di-bawah ini, untuk menerima surat2 chalun akan terbuka pada 18 Februari, 1965 daripada jam 10.00 pagi hingga 1.30 petang.

(c) bagi Daerah Belait di-Sekolah Melayu Ahmed Tajuddin, Kuala Belait.

(a) bagi Daerah Brunei-Muara di-Sekolah Melayu SMJA,

(b) bagi Daerah Tutong di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

(d) bagi Daerah Temburong di-Sekolah Melayu Bangar.

Nama2 penchadang, penyongkong dan 4 orang lagi atau lebih, yang bersetuju dengan penchadangan itu mesti berada dalam daftar pengundi berkenaan dengan kawasan yang di-tandingkan.

Surat2 chalun akan di-terima dari jam 10.00 pagi sampai 12.00 tengah hari tepat.

Di-antara jam 12.00 tengah hari dan 1.30 petang Pegawai Pengurus akan menerima bantahan2 berkenaan surat2 chalun. Kawasan2 menamakan chalun Pilehan Raya tersebut ada-lah seperti berikut:

Muara, Delima, Berakas, Kuala Brunei, Pintu Malim, Gadong, Kilanas, Sengkurong, Tanjong Nangkat, Pengkalan Batu, Lumapas-Kasat, Pekan Brunei.

Sumbiling, Bukit Salat, Sungai Kedayan, Sultan Lama, Bendahara Sakam, Burong Pinggai, Pekan Lama, Raja Muda, Pahlawan, Saba, Saba Darat dan Peramu.

Kupang-Birau, Kiudang, Lamunin, Sinaut, Pananjong-Keriam, Pekan Tutong, Kuala Tutong, Danau, Tanjong Maya, Layong, Ukong-Bukit dan Rambai.

Liang, Pekan Seria, Lorong Tiga, Marina, Panaga, Penglima, Temanggong, Pekan Belait, Tanjong, Kuala Balai, Labi dan Bukit Sawat.

Bangar, Puni, Belaban, Amo, Pendaruan, Batu Apoi dan Labu.

KOPRAL AK. HASSAN BERLATEH DI-SINGAPURA

BERAKAS. — Kopral Awangku Hassan bin Pengiran Mohamed Yusof dari Askar Melayu Brunei telah berlepas ka-Singapura dengan kapal terbang pada petang hari Ahad 14 Februari untuk berlateh di-Sekolah Kesihatan Tentera di-Nee Soon, Singapura selama 3 bulan. Di-antara orang2 yang menghantar-nya di-Lapangan Terbang Berakas ia-lah Major J.G. Moran, Pegawai Perubatan, Askar Melayu Brunei dan keluarga2 Awangku Hassan.

Pengeluaran Kad2 Pengenalan DI-MULAI PADA 1 MACH

BANDAR BRUNEI. — Pengeluaran Kad2 Pengenalan untuk semua orang, berumur 12 tahun ka-atas, yang tinggal di-Negeri Brunei akan di-mulai pada 1 Mach, 1965. Pendaftaran itu di-jangka akan siap pada awal tahun hadapan dan kira2 60,000 orang akan mendaftarkan nama2 mereka.

Pelawat2 yang hendak tinggal di-Negeri Brunei lebih dari tiga bulan di-kehendaki memperoleh kad2 pengenalan. Tiga jenis kad2 pengenalan akan di-keluarkan, ia-itu kad2 pengenalan berwarna ungu untuk ra'ayat D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan; kad2 pengenalan berwarna merah untuk orang2 yang tinggal tetap di-Negeri Brunei dan kad2 pengenalan berwarna hijau untuk pelawat2.

Bayaran untuk tiap2 keping kad pengenalan ia-lah 50 sen. Pemegang2 kad2 pengenalan yang hendak mem-baharui kad2 pengenalan mereka, sa-kira-nya kad2 pengenalan itu hilang, di-kehendaki membayar \$2 untuk tiap2 keping kad pengenalan.

Tiap2 pemohon di-kehendaki mem-bawa bersama2 mereka ka-Pejabat Pendaftaran 2 keping gambar, ukor-annya 1 1/2" x 1 1/2", surat beranak dan paspot atau Sijil Kera'ayatan mereka. Ibu Pejabat Pendaftaran Kad2 Pengenalan ia-lah di-Jalan Kianggeh sebelah Bangunan Guru2 Melayu Brunei. Chawangan2-nya akan di-adakan di-Pekan2 Belait, Tutong dan Temburong.

KURSUS PEMIMPIN2 BELIA

BANDAR BRUNEI. — Kursus Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei akan di-adakan di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria mulai pada 15 Mei hingga ka22 Mei, 1965.

Peserta2 yang akan hadir di-kursus tersebut akan tetapi belum lagi menghantarkan surat permohonan mereka, ada-lah di-minta berhubung dengan Setia Usaha, Kursus Pemimpin2 Belia, Awang Yahya bin Mohamed Yusuf di-Pejabat Imigresen, Bandar Brunei sa-belum 28 Februari.

PEMBUKAAN RASMI SEKOLAH MELAYU Kiarong

KIARONG. — Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Sunny bin Ahmet telah merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Kiarong pada pagi hari Ahad 14 Februari sebagai menggantikan Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei, Awang Mohammed Taib bin Awang Besar yang tidak dapat hadir oleh kerana beberapa sebab yang tidak dapat di-elakkan.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Awang Malcolm MacInnes; Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua, Awang Mohamed Yusof Tahir dan Penghulu Kampong Kiarong, Yang Mulia Dato Ratna Haji Mohamed Ja'far.


Sebagai tanda pembukaan rasmi Sekolah Melayu Kiarong, Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Sunny bin Ahmet telah menanam sapohon rambutan dan beliau pula telah di-hadiahkan sa-buah chenderamata sebagai kenangan.

Dengan tertubuh-nya Sekolah Melayu Kiarong, maka pada masa ini ada sa-banyak 82 buah Sekolah2 Melayu dalam Negeri Brunei.

PENGAWALAN BARU IMIGRESEN

BANDAR BRUNEI. — Awang T.P. Forde, bekas Pegawai Kanan Imigresen di-Tanganyika, Afrika telah di-lantek menjadi Pengawalan Imigresen, Negeri Brunei.

BENTOK BANGUNAN PUSAT BELIA BRUNEI



Satu pemandangan bentok bangunan PUSAT BELIA yang akan di-bena oleh Kerajaan Brunei di-Berangan, Jalan Kianggeh, Bandar Brunei. Pusat Belia ini akan di-bena tidak berapa lama lagi dan di-jangka akan siap pada awal tahun 1967. Pusat tersebut akan mengandungi sa-buah dewan beranika kegunaan seperti sokan dan boleh di-gunakan juga sebagai panggong wayang serta pemantasan. Dewan itu akan dapat di-duduki oleh kira2 2,000 orang, termasuk kira2 60 tempat2 duduk khas. Selain dari itu, berbilang2 kemudahan untuk belia2 akan di-adakan di-Pusat Belia itu, di-antara-nya ia-lah sa-buah kolam berenang, bilek2 persidangan, khubub khana, bilek2 penginapan yang berasingan untuk lelaki dan perempuan, Pejabat Pusat itu, tempat menyimpan kereta dewan untuk kira2 100 orang dan lain2-nya.

D. Y. M. M. AKAN MERASMIKAN PEMBUKAAN BANGUNAN GURU2 MELAYU BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin akan merasmikan pembukaan Bangunan Guru2 Melayu Brunei di-Jalan Kianggeh, Bandar Brunei dan Perayaan Sambutan Jubli Perak (ia-itu usia yang ke-25 tahun) Persekutuan Guru2 Melayu Brunei pada pukul 7.30 malam, 26 Februari, 1965.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara pula akan merasmikan pembukaan Mashuarat Agung Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-Dewan P.G.G.M.B. pada pukul 9.15 pagi hari Sabtu 27 Februari.

Pada petang hari Ahad 28 Februari, satu temasha Perlumbaan Basikal sa-chara pantai di-adakan di-bawah anjoran P.G.G.M.B. mulai pada pukul 4.30 petang dari Pantai Berakas ka-hadapan Bangunan Guru2 Melayu Brunei.

Sebagai menyambut pembukaan rasmi Bangunan Guru2 Melayu Brunei dan Sambutan Jubli Perak P.G.G.M.B. satu temasha Anika Warna akan di-adakan di-Dewan P.G.G.M.B. selama tiga malam mulai pada malam 26 Februari.

JAWATAN KOSONG: PEMBANTU PERPUSTAKAAN DI- DEWAN BAHASA

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan sebagai Pembantu Perpustakaan di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

(a) Pemohon2 mesti-lah orang Melayu dan ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

(b) Mempunyai kelulusan darjah VII Sekolah Melayu atau yang sebanding dengan-nya dan boleh berbahasa Inggeris.

(c) Mempunyai pengalaman dalam hal ehwal perpustakaan sekurang2-nya selama satu tahun.

GAJI: Dalam sukatan gaji D(b) 2-3-4-5 \$211-220 x 10-260-280-290x20-330.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-isi diatas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 5 Mach, 1965.

SAMBUTAN MEMPERINGATI DOKTOR MOHAMMAD IQBAL

BANDAR BRUNEI. — Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, dengan kerjasama penuntut2 Brunei di-Kolej Islam Malaya akan menganjorkan Malam Sambutan Memperingati Doktor Mohammad Iqbal bertempat di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada 25 Februari mulai pukul 7.30 malam.

Di-antara achara2 yang akan dipersembahkan di-temasha tersebut ia-lah sa-buah drama sa-babak berjudul 'Gerhana', Nashid dan Peraduan Membaca Sajak2 Iqbal terbuka kepada Persatuan2, Maktab2 dan Sekolah2 Menengah di-negeri ini.